

Perodua bantu kumpul dana NKF

Sempena meraikan ulang tahun ke-10 sambutan Hari Buah Pinggang Dunia, Perodua menyumbangkan seunit model terlaris keluarannya, Axia kepada Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF).

Orang ramai berpeluang untuk memenangi Perodua Axia dengan mengambil bahagian dalam pertandingan 'Sport & Ride', yang merupakan aktiviti promosi untuk menarik khalayak mengetahui lebih lanjut mengenai penjagaan dan punca kegagalan buah pinggang.

Menurut Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Perodua, Datuk Aminar Rashid Salleh: "Kerjasama dengan Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan merupakan inisiatif syarikat untuk mewujudkan kesedaran mengenai punca masalah buah pinggang, di samping



menggalakkan orang ramai untuk menjalani hidup yang lebih sihat."

Sempena Hari Buah Pinggang Dunia

Pertandingan yang

merupakan sebahagian daripada sambutan Hari Buah Pinggang Dunia ini diadakan di Sunway Pyramid, bermula 28 Februari hingga 1 Mac.

Setiap peserta yang

ingin menyertai pertandingan ini akan dikenakan yuran sumbangan sebanyak RM10 (yang akan diserahkan kepada tabung NKF) untuk peluang memenangi Axia. (Ber-

gantung kepada terma dan syarat).

Setiap penyertaan akan memberikan peserta masa 30 saat untuk mencari tiket kemenangan yang berada dalam Perodua Axia.

Tiket yang berjaya dicari akan ditukarkan kepada hadiah-hadiah menarik termasuk beg cenderamata dan baucar diskaun, selain menjadi tiket untuk memenangi Perodua Axia semasa cabutan bertuah yang akan diadakan pada 29 Mac 2015.

Melalui laman web NKF, sejumlah RM12 juta perlu dikumpul setiap tahun untuk subsidi bagi kos rawatan dialisis bagi 1,509 pesakit yang mendapatkan rawatan di 28 pusat dialisis di seluruh negara (peruntukan pada November 2014).